

'Hormati keputusan rakyat enam negeri'

PM ajak perkukuh silaturahmi, jika ada permasalahan perundangan ikut saluran SPR

Oleh Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Saufi Hassan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua pihak menghormati keputusan rakyat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri yang menyaksikan Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) mengekalkan kedudukan di tiga negeri, manakala tiga lagi dikuasai Perikatan Nasional (PN).

Perdana Menteri berkata, sekarang ini masa untuk semua pihak memperkukuhkan silaturahmi, menjaga keamanan dan mengangkat martabat serta membela nasib rakyat.

"Dalam sistem demokrasi kita harus hormat keputusan rakyat dan dengan erti kata lain bersedia menerima keputusan dengan baik.

"Kalau ada pemasalahan perundangan dan protes (buatlah) mengikut saluran dan peraturan ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)," katanya pada sidang media selepas pengumuman keputusan PRN di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan barisan kepimpinan Kerajaan Perpaduan.

Keputusan PRN malam kelmarin menyaksikan keputusan sta-

tus quo apabila penguasaan di semua enam negeri dikekalkan.

Daripada enam negeri itu, lima iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang membentuk kerajaan dengan majoriti dua pertiga, dengan Terengganu mencipta kejutan apabila menyapu bersih semua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dipertandingkan.

Sementara Selangor pula sekadar memperoleh majoriti mudah apabila menang 34 daripada 56 kerusi DUN.

Hargai sokongan rakyat

Terdahulu, Perdana Menteri memberikan penghargaan atas sokongan diberikan rakyat dalam mengekalkan penguasaan di tiga negeri ditadbir PH.

Katanya, penghargaan juga diberikan kepada SPR dan petugas yang menjalankan tanggungja-

wab dengan baik dan memuaskan.

"Dan (penghargaan) kepada bantuan pasukan keselamatan dalam memastikan perjalanan ini teratur.

"Begitu juga penyertaan negeri lain. Ini berlaku kerana ada pemuafakatan yang terjalin dalam semua parti, malah rakan dari Sabah Sarawak yang tidak bertanding memberikan dukungan cukup baik," katanya.

Dalam perkembangan sama, Anwar menegaskan Kerajaan Perpaduan pada peringkat Persekutuan akan terus kekal dan kukuh selepas PRN dan sentiasa fokus untuk berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, kerajaan pimpinannya akan bekerja lebih tekun untuk membangunkan negara dan menjayakan rancangan ekonomi yang sudah ditetapkan.